



PERJANJIAN PENYELIDIKAN



PERJANJIAN PENYELIDIKAN ini dibuat pada Haribulan Tahun.....DI ANTARA (No.Kad Pengenalan:) yang beralamat di..... (selepas ini disebut sebagai "PENYELIDIK") bagi satu pihak DAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR, sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang ditubuhkan di bawah AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 beralamat di 43600 KUIS Bangi, Selangor Darul Ehsan (selepas ini disebut sebagai "KUIS") bagi satu pihak yang lain.

BAHAWASANYA KUIS menekankan kegiatan-kegiatan penyelidikan ke arah membina dan memperkembangkan ilmu yang memperkukuhkan iman selaras dengan bidang-bidang tujuan Fakulti/Universiti yang telah ditetapkan.

BAHAWASANYA KUIS menggalakkan penyelidikan yang dapat membantu dan mengukuhkan fungsi pendidikan dan perkhidmatan kepada masyarakat.

BAHAWASANYA PENYELIDIK telah pun diluluskan peruntukan kewangan berjumlah RM:..... (RINGGIT MALAYSIA) daripada peruntukan KUIS untuk Geran Penyelidikan & Inovasi KUIS bagi kategori

Adalah dengan ini diakui dan dipersetujui oleh kedua-kedua pihak seperti berikut:

1. PENYELIDIKAN

- Nama Ketua Penyelidik : _____
- No. Staf : _____
- No. Kad Pengenalan : _____
- Alamat : _____
- Peruntukan Kewangan : _____
- Kod Penyelidikan : _____
- Tajuk Penyelidikan : _____
- Tempoh Kajian : _____

2. TANGGUNGJAWAB PENYELIDIK

- 2.1 PENYELIDIK hendaklah memulakan penyelidikannya dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh Perjanjian ditandatangani; Dan dalam tempoh masa yang sesuai bagi perjanjian dengan pihak luar sekiranya penyelidikan ini melibatkan kerjasama pihak luar/swasta. Maksud 'mula' ialah dengan adanya bukti bagi salah satu daripada item yang disenaraikan di bawah :-
 - 2.1.1 Ada permohonan untuk mendapatkan pendahuluan peruntukan.
 - 2.1.2 Ada permohonan untuk mendapatkan alat perkakas.
 - 2.1.3 Ada permohonan untuk melantik pembantu penyelidik.
 - 2.1.4 Ada laporan kemajuan disampaikan kepada pihak yang membiayai projek.
- 2.2 PENYELIDIK hendaklah mengemukakan laporan kemajuan.
 - 2.2.1 Setiap tiga (3) bulan – jika tempoh penyelidikan kurang daripada satu (1) tahun; dan setiap enam (6) bulan – jika tempoh penyelidikan lebih daripada satu (1) tahun kepada Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (selepas ini disebut sebagai PPP), KUIS.
 - 2.2.2. Tempoh yang bersesuaian dengan perjanjian dengan pihak luar, kepada pihak luar, dan dikemukakan melalui PPP, jika dengan kerjasama pihak luar.
- 2.3 Laporan akhir hendaklah dikemukakan sebaik sahaja penyelidikan tamat; kepada PPP dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan.
- 2.4 PENYELIDIK hendaklah menjalankan penyelidikan dengan penuh tanggungjawab, dan tidak mencemarkan nama baik KUIS. Adalah dipersetujui bahawa PENYELIDIK yang mengetuai Kumpulan Penyelidik bagi satu-satu penyelidikan adalah bertanggungjawab ke atas mereka bagi memastikan projek berjalan dengan licin dan lancar.
- 2.5 Semua peralatan yang dibeli dengan kelulusan mana-mana pihak untuk projek-projek penyelidikan hendaklah dijaga dengan baik dan semua peralatan penyelidikan adalah menjadi hak milik KUIS.

3. PENILAIAN PROJEK DAN PENGGANTUNGAN

- 3.1 KUIS, melalui PPP, dan pihak Luar, sesuai dengan perjanjian ini, berhak menilai semua projek penyelidikan yang telah diluluskan.

- 3.2 KUIS, melalui PPP, dan pihak Luar, sesuai dengan perjanjian ini, berhak menggantung atau memberhentikan mana-mana projek penyelidikan, sekiranya PENYELIDIK gagal menunjukkan kemajuan dan menyediakan kemajuan projek yang tidak memuaskan.
- 3.3 Sekiranya PENYELIDIK gagal memulakan penyelidikan tanpa sebab yang munasabah, dalam masa tiga (3) bulan setelah diluluskan oleh PPP, jika projek KUIS; atau dalam masa yang bersesuaian dengan perjanjian oleh pihak luar, jika projek penyelidikan Kerjasama Luar/Swasta; peruntukan akan ditarik balik dan kelulusan tersebut dianggap batal.
- 3.4 Bantuan kewangan akan diberhentikan sekiranya laporan kemajuan yang dikemukakan tidak memuaskan pihak yang meluluskan projek penyelidikan berkenaan.

4. **TUNTUTAN SEMULA WANG YANG TELAH DIBELANJAKAN**

- 4.1. KUIS, untuk projek penyelidikan KUIS; atau pihak Luar, untuk projek penyelidikan Kerjasama Luar/Swasta berhak menuntut semula segala bantuan kewangan sekiranya didapati bahawa;
 - 4.1.1. Laporan kemajuan projek penyelidikan yang dikemuka didapati tidak memuaskan atau;
 - 4.1.2. Laporan akhir projek penyelidikan oleh PENYELIDIK tidak diserahkan mengikut jangka waktu yang telah ditetapkan dalam surat tawaran atau mengikut jangka waktu yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak atau;
 - 4.1.3. PENYELIDIK memberhentikan projek penyelidikannya tanpa sebab-sebab yang munasabah atau sengaja memberhentikan tanpa memberi apa-apa laporan atau gagal memberi laporan yang memuaskan atau;
 - 4.1.4 Wang yang tidak dibelanjakan atau wang yang disalahgunakan oleh PENYELIDIK-PENYELIDIK bagi penyelidikan KUIS atau;
 - 4.1.5 Wang yang tidak dibelanjakan atau wang yang disalahgunakan oleh PENYELIDIK bagi penyelidikan kerjasama luar/swasta.

5. **TUNTUTAN BALIK WANG BANTUAN**

PENYELIDIK memberi persetujuan kepada KUIS supaya tuntutan balik segala bantuan kewangan yang dinyatakan di 4.1 di atas adalah dibuat melalui potongan gaji.

6. TINDAKAN TATATERTIB

KUIS berhak mengambil tindakan tatatertib yang sesuai ke atas PENYELIDIK yang telah melanggar syarat-syarat PERJANJIAN INI.

7. PENERBIT / HASIL PENYELIDIKAN

- 7.1 Penyelidik digalakkan menerbitkan hasil penyelidikan masing-masing sama ada dalam bentuk buku, bab dalam buku, monograf, makalah dalam jurnal atau pembentangan dalam persidangan.
- 7.2 Jika hasil penyelidikan itu panjang dan boleh diterbitkan sebagai sebuah buku, urusan untuk menerbitkan hendaklah dirujuk kepada PPP sebagai keutamaan.
- 7.3 Para penyelidik tatkala menerbitkan hasil penyelidikannya dikehendaki menyatakan dengan jelas peranan KUIS dalam hasil penyelidikan tersebut.

8. HAK MILIK LAPORAN / PATEN

- 8.1 Hak milik Laporan Penyelidikan adalah kepunyaan KUIS, Jika penyelidikan Universiti dan; tertakluk kepada syarat-syarat perjanjian yang dipersetujui, jika penyelidikan kerjasama Luar/Swasta.
- 8.2 Royalti dari paten hendaklah mengikut peraturan Universiti yang berkuatkuasa pada masa itu, jika penyelidikan Universiti; tertakluk kepada syarat-syarat perjanjian yang dipersetujui, jika penyelidikan Kerjasama Luar/Swasta.
- 8.3 Panduan mengenai pematenan dan komersialisasi boleh didapati daripada PPP.

9. KERAHSIAAN

- 9.1 Penyelidik bersetuju mematuhi peruntukan-peruntukan Polisi Harta Intelek dan Komersialisasi yang diguna pakai oleh KUIS.
- 9.2 Penyelidik bersetuju untuk tidak memberitahu atau mendedahkan atau memaklumkan, melalui apa cara sekalipun, sebarang maklumat atau data berhubung dengan projek tersebut kepada mana-mana pihak.
- 9.3 Penyelidik bersetuju untuk tidak menyerahkan atau menyampaikan sebarang dokumen, cakera padat, disket, artikel atau sebarang bahan yang mengandungi maklumat-maklumat atau data berhubung dengan projek tersebut kepada mana-mana pihak.

- 9.4 Penyelidik bersetuju untuk menyerahkan kepada KUIS hak milik harta intelek yang wujud daripada projek tersebut, sama ada projek tersebut diusahakan atau dihasilkan oleh penyelidik sendiri atau bersama-sama dengan penyelidik-penyelidik lain.
- 9.5 Penyelidik hendaklah memaklumkan kepada Dekan atau Pengarah atau Ketua Jabatan sebelum membawa atau mengiringi mana-mana pihak melawat ke tempat-tempat atau makmal-makmal yang berhubung dengan pengwujudan atau pembangunan sesuatu projek yang boleh atau mungkin atau telah menghasilkan harta intelek.
- 9.6 Penyelidik bersetuju untuk tidak mengambil sebarang langkah atau tindakan, berhubung dengan pelaksanaan atau pengusahaan Projek tersebut, yang boleh memudaratkan atau merugikan KUIS.
- 9.7 Tanggungjawab Penyelidik menyimpan rahsia berhubung dengan Projek tersebut dan harta intelek yang wujud daripadanya hendaklah berterusan dan berkuatkuasa selama tujuh (7) tahun daripada tarikh perjanjian ini.

10. LAMPIRAN

Garis Panduan Penyelidikan KUIS yang dilampirkan dengan PERJANJIAN ini sebagai LAMPIRAN A dan mana-mana syarat dan peraturan yang disediakan oleh Fakulti/Pusat/Institut dibaca bersama-sama dengan PERJANJIAN ini dan hendaklah dianggapkan sebahagian daripada PERJANJIAN ini.

Bagi MENYAKSIKAN HAL DI ATAS maka pihak-pihak yang tersebut dalam PERJANJIAN ini telah menurunkan di sini tandatangan-tandatangan mereka pada tarikh dan tahun yang tertulis di atas.

DITANDATANGANI OLEH:)
)
)
)
) NAMA PENYELIDIK I (Ketua
 Penyelidik)

sebagai PENYELIDIK dan disaksikan di hadapan:-

.....)
)
 Saksi)
) NAMA & COP

DITANDATANGANI OLEH:)
)
)
)
) NAMA PENYELIDIK II

sebagai PENYELIDIK dan disaksikan di hadapan:-

.....)
)
 Saksi)
) NAMA & COP

DITANDATANGANI OLEH;)
)
)
)
) NAMA PENYELIDIK III

sebagai PENYELIDIK dan disaksikan di hadapan:-

.....)
)
 Saksi)
) NAMA & COP

DITANDATANGANI OLEH;)
)
)
)
) NAMA PENYELIDIK IV

sebagai PENYELIDIK dan disaksikan di hadapan:-

.....)
Saksi) NAMA & COP

DITANDATANGANI OLEH;)
.....)
NAMA PENYELIDIK V

sebagai PENYELIDIK dan disaksikan di hadapan:-

.....)
Saksi) NAMA & COP

DITANDATANGANI OLEH;)
.....)
NAMA PENYELIDIK VI

sebagai PENYELIDIK dan disaksikan di hadapan:-

.....)
Saksi) NAMA & COP

DITANDATANGANI OLEH:)
.....)
NAMA & COP

PPP atau wakil dibenarkan untuk dan bagi pihak KUIS dan disaksikan di hadapan:-

.....)
Saksi) NAMA & COP